

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	01 JULY 2017

RCI ditubuhkan kerana negara dan rakyat inginkan kebenaran

Tanpa niat politik - Salleh

UM - 1/7/2017 pg. 2

■ PUTRAJAYA 30 JUN

PAKATAN Harapan yang diketuai DAP tidak seharusnya mempolitikkan keputusan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyasiat punca sebenar di sebalik kerugian urus niaga mata wang asing oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada 1980-an dan 1990-an, kata Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak hari ini.

Beliau berkata, keputusan Kabinet itu dibuat tanpa sebarang niat jahat atau bermotifkan politik, sebaliknya ia adalah syor yang dikemukakan oleh Pasukan Petugas Khas (STF) yang diketuai bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan.

“Kabinet membuat keputusan tepat untuk menubuhkan RCI oleh kerana negara dan rakyat inginkan kebenaran.

“Keputusan itu dibuat disebabkan kerugian urus niaga mata wang asing ini terlalu besar yang mengakibatkan BNM secara teknikalnya menjadi bankrap,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Salleh berkata, rancangan Pakatan Harapan yang diketuai DAP untuk mengadakan jerayawara berkaitan perkara itu adalah untuk mengelirukan rakyat dan menjejaskan RCI.



SALLEH SAID KERUAK

“Ini jelas sekali menunjukkan bahawa Pakatan Harapan yang diketuai DAP merupakan pembangkang yang gagal disebabkan mereka mengamalkan pilih kasih.

“Semasa Dr. Mahathir (bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad) berada dalam UMNO, mereka mendesak supaya ditubuhkan RCI. Sekarang Dr. Mahathir bersama mereka, (tetapi) mereka menolak RCI,” katanya.

Pada 21 Jun, Pejabat Perdana Menteri (PMO) berkata, Kabinet bersetuju sebulat suara dengan

syor STF bahawa terdapat keperluan untuk menubuhkan RCI bagi menyasiat kerugian dalam urus niaga mata wang asing oleh BNM.

Menurutnya, pasukan petugas itu turut mendapati ada percubaan untuk menyembunyikan fakta sebenar berkaitan kerugian itu dengan maklumat mengelirukan dikemukakan kepada Kabinet dan Parlimen.

PMO berkata, pasukan petugas itu turut mendapati wujud kes *prima facie* yang perlu dijawab oleh BNM berhubung kerugian urus niaga mata wang asing itu dan oleh itu mengesyorkan penubuhan RCI.

Sehubungan itu katanya, penubuhan RCI dijangka merungkai isu yang membelenggu negara sejak 23 tahun lepas. - BERNAMA